

BETING MARU DAN BUKIT SADOK: MARKAS PERANG MELAYU DAN IBAN MENENTANG KOLONIALISASI REGIM BROOKE, 1842-1861

Nordi Achie

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah

E-mel: nordi@ums.edu.my

ABSTRAK

Kertas ini merupakan lanjutan daripada kertas awalan yang bertajuk, “Percaturan Politik dan Strategi Politiking dalam Perebutan Kuasa di Sarawak, 1841-1846” (dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan 5, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Bangi, Selangor, 21-22 April 2020). Menerusi siri ketiga ini, penulis terus merungkai kelincahan dan kelicikan protagonis politik (patriot dan penjajah) yang pernah bergelut dalam kancuh pertempuran di Sarawak (1842-1861), khasnya membabitkan proses kesejarahan (menang atau kalah) dan strategi taktikal perang yang digunakan oleh patriot Sarawak ketika menentang kolonialisasi regim Brooke. Begitu juga sebaliknya. Kesemuanya ini dapat diperjelas dengan menggunakan kaedah dan analisis pensejarahan ilmiah. Penulis akan mencerakin seni (strategi dan taktik) perang yang membabitkan dua medan pertempuran bersejarah yang mustahil dapat diabaikan dalam sejarah. Pertama, pertembungan sengit di Beting Maru, melibatkan pakatan patriotik antara Panglima Abang Apong Laksamana Amir dengan Linggir, Bulan dan Rabong. Kedua, pertarungan maut di Bukit Sadok, membabitkan pakatan patriotik antara Rentap dengan Aji anak Orang Kaya Pemanca Dana dan Lintung. Naratif sejarah ini disampaikan secara sederhana, dengan mengambil ingatan, betapa pentingnya hikmah di sebalik pelbagai siri pertempuran getir dan sengit yang tercetus antara patriot dan penjajah di Bumi Kenyalang. Lantaran itu, penulis menggarap setiap gerak nafas percaturan dan gegaran nadi pertembungan politik yang rumit dalam proses sejarah yang menarik untuk ditelusuri, seperti disentuh selanjutnya.

Kata Kunci: Strategi Perang; Percaturan Taktikal; Sejarah Sarawak

1. PENGENALAN

Sejarah zaman penjajahan Barat selama 300-500 tahun ialah sejarah yang ditulis oleh kuasa-kuasa Barat. Sejarah bangsa terjajah dan wilayah jajahan, merangkumi dua benua yang amat luas (Afrika dan Asia), ditulis mengikut kemahuan dan kepentingan penjajah Barat – sudah semestinya! Bangsa penjajalah yang berkuasa menulis semula sejarah. Beginilah bentuk dan pengisian sejarah dunia jajahan Barat dalam rentang waktu yang sangat genting dan getir ini. Perlu ditegaskan, sumber penjajah bukanlah wahyu yang diturunkan dari langit. Oleh itu, setiap sudut lakaran sejarah dan seluruh helaian lembaran sejarah bangsa jajahan telah ditulis mengikut kemahuan dan kepentingan penjajah Barat. Lantaran itulah, kita harus membaca sumber-sumber penjajah dengan kritisisme, bukan dengan meneguk mentah-mentah dan menjilat bulat-bulat segalanya yang dimuntahkan oleh tekak penjajah selama 300-500 tahun itu. Siapakah penjajah? Penjajah ertinya pencuri. Pencuri merupakan pembohong. Justeru, kita harus menilai semula motif dan perspektif penjajah dengan sangat teliti dan waspada demi menoreh kebenaran sejarah yang sebenarnya, namun bukanlah dengan penuh curiga dan syak wasangka, bahkan sumber-sumber tempatan juga tidak terlepas daripada kelemahan manusiawi. Sejarah yang amat mengaibkan ialah sejarah yang ditulis dengan perangai bobrok: asalkan siap, asalkan boleh bentang, asalkan boleh terbit atau asalkan boleh lulus. Sedarlah, inilah masanya keadilan sejarah mesti ditegakkan dengan jujur, berani dan lantang. Semua bangsa jajahan seharusnya menulis semula sejarah bangsa dan negara mereka dengan kritis. Adil terhadap penjajah dan adil terhadap mangsa penjajahan.

2. PERTEMPURAN MAUT DI BETING MARU: KALAH TANPA MENYERAH

Setelah kematian strategis genius Datu Patinggi Ali di pihak regim Brooke dalam pertempuran maut di Karangan (Sungai Sekrang) pada 1844, James Brooke telah berundur dan berkabung ke ibu negerinya, Kuching, sebagai menghormati kesetiaan, keberanian dan kebijaksanaan pemimpin tertinggi Melayu Sarawak itu. Sebelum itu, tentera James Brooke dengan bantuan angkatan laut elit British telah berjaya menumpaskan dan menghancurkan kubu-kubu kuat patriot Melayu dan Iban di Sadong, Lingga, Saribas dan Sekrang. Bagaimanapun, James Brooke masih belum puas dengan hampir semua kemenangan yang dicapainya. James Brooke mempunyai gagasan gadang (*Grand Design*) untuk memperluas wilayah kekuasaannya sehinggalah meliputi utara Sarawak, meskipun terpaksa berdepan dengan penentangan Kesultanan Brunei. Sebenarnya, James Brooke sedar cabaran utamanya bukanlah istana Brunei kerana kesultanan Melayu-Islam ini sedang mengalami pereputan dalaman (akibat perebutan kuasa) pada pertengahan abad ke-19. Siapakah musuh utamanya? Semua pembesar Melayu dan Iban yang menguasai seluruh pesisir pantai, sungai dan sumber kekayaan wilayah masing-masing, khususnya di Sadong, Saribas dan Sekrang serta kawasan sekitarnya. Begitu juga dengan pembesar Melayu Brunei dan Melanau-Muslim yang masih berkuasa di sepanjang pesisir pantai Mukah, Bintulu, Miri dan kawasan sekitarnya. Sebelum itu, James Brooke mesti menundukkan dan menumpaskan semua penentang tegarnya yang masih menguasai wilayah tengah yang bermuarakan Sungai Saribas, Sungai Sekrang, Sungai Rejang dan Sungai Kalaka. Oleh itu, serangan dan pertempuran berikutnya menjadi lebih sukar bagi James Brooke. Begitu juga dengan patriot Melayu dan Iban yang berjuang dalam kebangkitan berdarah untuk menentang panji imperialisme regim Brooke, seperti dikupas selanjutnya.

Setelah kematian DPA, sedarlah JB bahawa orang Iban dan Melayu di Saribas dan Sekrang bukanlah cacing, tetapi mereka merupakan perajurit handalan, setanding dengan perajurit Melayu dan Iban di Sarawak. Setelah menyusun semula pelan dan pasukannya (1845-1848), pada 1849, JB mendapat risikan mengenai kebangkitan pakatan Iban dan Melayu di Gadung. Menyedari kekuatan armada elit JB, perajurit Melayu di Sungai Rejang bersama Iban di Sekrang dan Saribas bergabung tenaga untuk menentang pencerobohan JB. Mereka diketuai Abang Apong Laksamana Amir, Linggir, Bulan, Rabong dan Rentap. Di sinilah, Rentap memacakkan semangat kewirajuangannya dalam pertempurannya dengan JB. Pengalaman adalah sebaik-baik guru kehidupan. Abang Apong merupakan cucu Datu Patinggi Kedit, mantan pembesar Melayu yang sangat berpengaruh di Saribas. Pakatan ini terdiri daripada sekitar 12 ribu perajurit perang Iban (di Saribas dan Sekrang) serta lapan ribu perajurit perang Melayu (dari Sungai Rejang) (Buyong Adil, 1974: 56-57). Nyatalah jumlah ini sengaja dibesar-besarkan oleh sumber penjajah. Ombak yang besar hanya dapat dilawan dengan ombak yang lebih besar. Selanjutnya, tercetuslah pertempuran paling sengit di Beting Maru, pimpinan Abang Apong Laksamana Amir dan Linggir. JB dibantu Datu Temenggung dan orang Iban dari Lundu, Sebuyau serta Lingga, di samping tiga kapal perang (Royalist, Albatros dan Nemesis). Jumlah tentera JB sekitar 3,500 orang (Mohd. Isa Othman, 1999: 123-124). Dari segi bilangan, kemenangan kelihatan memihak kepada Abang Apong Laksamana Amir dan Linggir, namun strategi perang lebih memihak kepada JB. Apakah keputusannya? Kali ini, hasil percaturan strategi perang Datu Temenggung, JB telah mengatur serangan hendap di laut dengan dua taktik. Pertama, mengepung Abang Apong Laksamana Amir dan Linggir di antara muara Sungai Kalaka dengan muara Sungai Saribas. Kedua, menutup pintu masuk dan pintu keluar di muara Batang Lupar dengan meletakkan kapal perang Royalist di sana. Tujuannya, untuk menyekat bantuan dari Batang Lupar terhadap Abang Apong Laksamana Amir dan Linggir, serta untuk mengatasi serangan hendap daripada belakang. Ini bermakna, kedua-dua pintu keluar dan pintu masuk di

Sungai Saribas dan Batang Lupar telah disekat dengan kawalan ketat. Inilah strategi genius Datu Temenggung. JB bertuah lantaran kebijaksanaan Datu Temenggung.

Sebelum kepungan ini dilakukan, Abang Apong dan Linggir keluar dari Sungai Saribas menuju ke Kalaka untuk menguatkan perajurit Melayu dan Iban. Kesilapan awal Abang Apong dan Linggir hanyalah satu sahaja iaitu percaturan masa. Ketepatan masa sangat penting dalam perang kerana pihak yang sampai lebih awal di medan pertempuran mempunyai peluang terbaik untuk menyusun pelbagai percaturan taktikal. Abang Apong dan Linggir berangkat agak lewat dari Saribas. Setelah selesai urusan di Kalaka, apabila mereka keluar dari Kalaka menuju ke Sungai Saribas, ketika itulah mereka sudah dikepung JB. Mereka terperangkap dalam kepungan taktikal ini. Berbeza dengan JB, beliau berangkat lebih awal, malah JB sempat memudiki Sungai Sekrang dan Sungai Saribas. Ketika itulah, menerusi ejen-ejen perisikannya, JB mengetahui Abang Apong dan Linggir telah bertolak ke Kalaka. Tuah memihak kepada JB. Dengan segera, JB berpatah balik ke muara Sungai Saribas dan Sungai Sekrang untuk memasang perangkap maut, mengatur serangan hendap dan kepungan ketat. Inilah yang dikatakan sebagai persediaan taktikal tadi. Akibatnya, Abang Apong dan Linggir tersepit di antara kedua-dua muara sungai. Satu-satunya jalan keluar bagi Abang Apong dan Linggir ialah menggempur pasukan JB bermati-matian, sebelum mereka dapat mendarat di tebingan pantai. Pasukan patriot ini terhimpit dan tersepit di tengah-tengah kepungan. Bahaya meluru daripada segenap penjuru. Pertempuran dahsyat tercetus di Beting Maru. Kalah atau menang, pakar strategi dalam pertempuran maut ini merupakan dua tokoh Melayu iaitu Abang Apong dan Datu Temenggung. Melayu bertarung sesama Melayu. Iban berperang sesama Iban. Dalam aspek kelengkapan perang, situasi lebih memihak kepada pasukan JB. Namun, dari segi semangat perjuangan, Abang Apong, Linggir dan perajuritnya merupakan penggempur berani mati yang tidak ada tandingannya – membujur lalu, melintang patah.

Menyedari kepungan yang sangat ketat ini, Abang Apong dan Linggir (dengan 150 perahu perang, bertolak dari Sungai Kalaka) tidak dapat meneruskan perjalanan ke Sungai Saribas. Justeru, mereka memilih untuk bergerak pada waktu malam. Biarpun tindakan ini merupakan strategi bijaksana, namun mereka dikejutkan oleh serangan Datu Temenggung yang sedang menghendap ngeri di muara Sungai Saribas. Dalam suasana yang amat cemas ini, Abang Apong dan Linggir mampu menghadapinya dengan tenang. Oleh itu, pasukannya tidak berada dalam keadaan kucar-kacir. Inilah karisma Abang Apong dan Linggir. Tercetuslah pertempuran getir yang berangkai-rangkai di antara muara Sungai Kalaka dan muara Sungai Saribas. Pertempuran yang sangat mendebarkan pada malam itu telah dikilati percikan cahaya parang dengan bunyi dentingan besi bertalu-talu lantas amat membingitkan telinga dan menyilaukan mata. Dalam pertempuran ini, Abang Apong dan Linggir dikejutkan lagi dengan serangan kapal perang Nemesis. Dengan pantas, Abang Apong memberikan dua arahan kecemasan. Pertama, beliau mengerahkan 17 perahu perang pasukannya menyerang balas Nemesis. Pasukan penggempur berani mati ini dibahagikan kepada dua lapisan iaitu (i)barisan penggempur dan (ii)penggempur bantuan.

Pada malam yang penghabisan itu, mereka hanya boleh menyerang, tidak boleh berundur meskipun seinci melainkan dengan perintah Abang Apong. Andai pasukan ini melarikan diri, seluruh pasukan Abang Apong dan Linggir akan cuak, kucar-kacir dan putus asa dalam pertempuran. Kedua, serangan maut ini bertujuan untuk menghalang Nemesis menyerang pasukan Abang Apong dan Linggir dari arah belakang. Ini merupakan bahaya yang paling bahaya. Risiko inilah yang paling diwaspadai Abang Apong sebagai genius perang. Abang Apong berpegang dengan prinsip: biar kalah, jangan menyerah. Beliau sedar 17 perahu perang itu tidaklah akan mampu menumpaskan Nemesis, tetapi inilah satu-satunya pilihan terakhir – menyerang untuk mati demi menyelamatkan

rakan seperjuangan yang lain. Malam yang gelap itu turut memberikan kelebihan kepada pasukan Abang Apong dan Linggir. Mengapa? Amat sukar bagi Nemesis untuk membedil dengan tepat semua perahu penggempur yang menyerbu ke arah Nemesis. Tambahan pula, arus yang beriak sangat mengganggu ketepatan tembakan Nemesis, malah tiupan angin selatan mengakibatkan pergerakan perahu penggempur menjadi lebih pantas. Suasana ini juga mencemaskan pasukan laut regim Brooke yang berada di atas Nemesis. Dengan semangat perjuangan yang kental dan pengalaman dalam pertempuran, tanpa gerun dan gentar, 17 perahu penggempur Abang Apong dan Linggir mampu lolos dengan lincah dan licik lantas menembusi barisan pertahanan Nemesis. Mereka telah merempuh dan memecahkan kekebalan barisan pertahanan Datu Temenggung bagaikan serigala yang kelaparan, biarpun mereka berdepan dengan bedilan bertubi-tubi daripada Nemesis. Sungguhpun demikian, mereka tidak dapat mendekati Nemesis kerana kemaraan mereka turut disekat oleh barisan pertahanan Datu Temenggung yang telah diatur dengan ketat untuk melindungi Nemesis. Datu Temenggung telah membuat persediaan yang paling rapi dan rinci sebelum pertempuran bermula sedari awal lagi.

Dalam situasi sedemikian, Abang Apong dan Linggir tetap meneruskan pertempuran yang getir ini sehinggalah ke titisan darah terakhir. Genggam bara api biar sampai jadi abu. Akhirnya, serangan maut yang bersejarah itu dapat ditumpaskan oleh pasukan pertahanan Datu Temenggung dan Nemesis dalam segala kesukarannya. Penulis mengulangi sekali lagi, dalam segala kesukarannya. Dikhabarkan kira-kira 300 orang perajurit Abang Apong dan Linggir terkorban di Beting Maru yang paling mengharukan itu. Selanjutnya, sekitar 500 orang lagi mati akibat cedera parah dan 88 perahu perang mereka telah dibinasakan. Perairan di sekitar muara Sungai Saribas dan Beting Maru berbau hanyir dengan darah-darah patriot yang hanyut bergelimpangan. Di pihak JB, dikatakan hanya dua orang terbunuh dan enam orang cedera (A.M. Cooper, 1968: 107). Pada hemat penulis, angka ini sengaja dikecil-kecilkan oleh sumber Brooke untuk menurapi kelemahan mereka. Yang menang akan menulis sejarah mengikut versi mereka sendiri agar kebenaran tertutup untuk selamanya. Sementara itu, angka kematian di pihak Abang Apong dan Linggir sengaja dibesarkan untuk menjulang kemenangan regim Brooke di Beting Maru. Ini merupakan candu propaganda pascaperang. Sejarah diputarbelitkan, kebenaran dijungkarbalikkan.

Sementelahan diperhalusi, dari sudut strategi perang, Datu Temenggung dan JB bukan sahaja pantas mengepung lebih awal, bahkan mampu mengumpan Abang Apong dan Linggir agar bertempur di laut. Datu Temenggung dan JB memperdayakan musuhnya dengan meletakkan satu-satunya kapal perang (Nemesis) di depan muara Sungai Saribas, berdekatan Beting Maru. Dengan ini, Abang Apong dan Linggir menduga pihak lawannya tersilap percaturan dalam pertempuran kerana Nemesis tidak dilindungi oleh kapal-kapal perang yang lain (Royalist dan Albatros). Di pihak Abang Apong dan Linggir pula, mereka menghadapi *dua garis kelemahan yang sangat halus*, tetapi sangat menentukan keputusan akhir pertempuran.

- Pertama, mereka tidak menyiasat muslihat taktikal yang tersembunyi di sebalik kedudukan aneh Nemesis. Nyatalah, Abang Apong dan Linggir terlepas pandang dengan situasi ini. Mereka tidak menyangka Nemesis diletakkan di muara Sungai Saribas sebagai umpan maut untuk memerangkap pasukan Abang Apong dan Linggir. Tambahan pula, Abang Apong dan Linggir tidak menghantar (atau terlewat menghantar) perisik untuk mengawasi pergerakan pihak lawannya dengan rinci di persisir Beting Maru kerana mereka merancang untuk memerangkap pasukan regim Brooke agar bertempur di sungai. Tanpa disangka, tindakan mereka pergi ke Kalaka telah mengakibatkan mereka terjerumus ke dalam perangkap maut Datu Temenggung. Sejak awal lagi, Datu Temenggung dapat membaca firasat perang

Abang Apong. Oleh itu, sangat jelas kemenangan tipis JB dan Datu Temenggung dalam pertempuran ini turut ditentukan oleh faktor perisikan.

- Kedua, meskipun Abang Apong, Linggir dan perajuritnya lebih lincah, ligat dan liat bertempur di sungai, namun pihak lawannya lebih mangkus bertempur di laut. Pertempuran di laut berbeza dengan pertempuran di sungai. Pertempuran di laut dikuasai kapal perang, manakala pertempuran di sungai dirajai perahu perang. Pertempuran di laut bergantung dengan arah angin dan aliran air, tetapi pertempuran di sungai dipengaruhi selekoh, selok-belok dan anak-anak sungai. Perahu-perahu perang sukar menentang arah angin dan arus deras di laut. Namun, perahu-perahu perang dapat mara dan undur (menyerang dan bertahan, menghendap dan mengepung) dengan lebih pantas di kawasan sungai. Jelas, situasi medan pertempuran tidak memihak kepada Abang Apong, Linggir dan pasukannya. Namun, mereka enggan mengalah apatah lagi menyerah kalah. Kalah mahupun mati sama sahaja bagi mereka. Yang membingungkan JB, kekalahan musuhnya semakin menyemarakkan api permusuhan dan baji penentangan terhadapnya.

Di pihak Datu Temenggung dan Raja Putih Sarawak pula, mereka sudah menduga Abang Apong dan Linggir akan bertempur pada waktu malam. Sebagai langkah berwaspada, meriam-meriam Nemesis dihalakan ke seluruh penjuru, hanya menunggu masa untuk memuntahkan bebola apinya dengan bertubi-tubi. Ketika Abang Apong dan Linggir menyerang Nemesis dengan penuh semangat, berani dan garang, dengan pantasnya Nemesis mengebom semua perahu perang lawannya secara bertubi-tubi. Dalam tempoh beberapa jam, Nemesis, Datu Temenggung dan Orang Kaya Lundu akhirnya menang tipis dalam pertempuran yang amat getir ini. Abang Apong dan Linggir sempat menyelamatkan diri mereka dengan berundur ke Sungai Saribas. Bagaimanakah kedua-dua patriot ini dapat berundur dengan selamat, tanpa dapat dikesan dan disekat oleh pasukan JB? Pertama, bantuan kegelapan malam (amat sukar untuk mengecam wajah sesiapa pun). Kedua, hiruk-pikuk pertempuran mengakibatkan kedudukan Abang Apong dan Linggir amat sukar dijejaki. Kalah bukan bermakna menyerah. Kekalahan ini turut memberikan pukulan maut terhadap Abang Apong dan Linggir. Mereka tidak dapat bangkit semula segagah dahulu, namun semangat mereka mengalir pekat dalam darah Panglima Muijah dan Rentap.

Selepas berjaya mengundurkan patriot Melayu dan Iban pimpinan Abang Apong dan Linggir, JB terus menyerang Iban Saribas pula, khasnya di Sungai Paku. Ini merupakan antara kubu kuat Iban. Di Sungai Paku, perajurit Iban melonjak kegirangan kerana mereka mampu menghalang kemaraan HMS Albatros dengan menghanyutkan banyak batang kayu di sungai. Peristiwa ini menjadi bahan ketawa dan ejekan orang Iban di Sungai Paku. Betapa tidak, di Sungai Paku inilah terciptanya sejarah pemakuan kapal perang kebanggaan British – Albatros. Taktik ini dikenali sebagai formasi kura-kura. JB gagal mencernainya. Formasi ini digunakan untuk (i)melambat-lambatkan kemaraan musuh sekali gus (ii)mengundurkan musuh setelah mereka terperangkap dalam situasi buntu (mara parah, undur payah). Sebagai tindak balasnya, pasukan JB terpaksa melancarkan serangan dengan penuh kesukaran daripada arah darat menuju ke Paku. Dengan kekuatan tentera dan senjatanya, biarpun dalam keadaan bersusah-payah, JB berjaya memukul undur orang Iban di Paku dan sekitarnya. Kemudian, JB menyerang kubu Iban di Sungai Entabai (cawangan Sungai Kanowit). Mereka membakar 15 rumah panjang Iban di Sungai Entabai, tetapi tidak menemui Panglima Muijah. Jeneral perang yang bijaksana sememangnya sukar dijejaki. JB mewaspadai taktik perang Panglima Muijah lantas enggan memburunya lagi. JB kembali ke Kuching. JB berasa puas, tetapi cemas. Panglima Muijah masih menghantui JB hatta dalam mimpinya.

Selang beberapa minggu, rombongan ketua Iban dari Saribas menemui James Brooke di Kuching untuk mencaturkan Persidangan Damai. Menerusi strategi diplomatik ini, Bayang sengaja mempamerkan kekuatan Iban kepada JB. Persidangan ini melibatkan JB dengan 250 ketua Iban di Saribas, diketuai Orang Kaya Pemanca Dana (Bayang) (Buyong Adil, 1974: 61-63). JB merupakan imperialis yang sangat teliti, waspada dan panjang akal. Betapapun demikian, JB tersentak melihat jumlah ketua Iban yang sangat besar ini. Beliau juga berasa amat curiga: kenapakah syarif Melayu-Arab tidak terlibat dalam rombongan ini? Siapakah dalang di sebalik rombongan Bayang? Apakah orang Iban dan Melayu di Saribas dan Sekrang telah berpecah? Setelah menyerang tanah Iban bertahun-tahun lamanya, disangkanya kekuatan Iban semakin menyusut teruk. Rupa-rupanya, JB tersilap duga dan nyaris tersalah langkah. Kalau tidak berada-ada, masakan tempua bersarang rendah. Perdamaian ini hanyalah kosmetik politik. Kedua-dua pihak sedar perdamaian ini hanyalah alat untuk melengah-lenghkan pertembungan berdarah berikutnya. Semakin buas kemahuan JB, semakin keras penentangan Iban. Dalam pada itu, ketua-ketua Iban terus memerhatikan pergerakan politik JB secara diam-diam. Tidak kalah hebatnya Raja Putih Sarawak. JB menggunakan masa damai ini dengan sebaik-baiknya untuk membina kubu-kubu kuat di Nanga Sekrang (1850), Kanowit (1851) dan Lingga (1852) sembari memata-matai kelibat musuh politiknya (Iban dan Melayu). Kedua-dua pihak sabar menunggu. Siapakah yang akan bertindak terlebih dahulu?

3 PERTARUNGAN SENGIT DI BUKIT SADOK: MENEBUS DENDAM BERDARAH

Di sebalik kemenangan bersiri dan perdamaian ini, JB tetap mewaspada perajurit Iban dan Melayu, namun malang tidak berbau, nasib tidak bertanda. Rentap tercabar dengan muslihat politik dan keangkuhan JB. Pada 1853, William Brereton (pegawai Brooke di kubu Nanga Sekrang) mendapat berita perisikan yang menyatakan Rentap dari Sungai Sekrang akan menyerang kubunya. Brereton meminta bantuan segera daripada Alan Lee (pegawai Brooke di kubu Lingga). Semasa Brereton dan Lee memperkuat kubu di Nanga Sekrang, Rentap bertindak pantas dengan menyerang terlebih dahulu sehingga tercetuslah pertempuran (Abdullah Zakaria Ghazali, 2000: 5). Belum pun ayam berkokok, hari pun sudah siang. Rentap merupakan strategis perang yang tidak wajar diremehkan. Keberanian dan kebijaksanaan bergabung dalam dirinya. Strategi Rentap gagal dibaca William Brereton dan Alan Lee. Menerusi serangan awalnya, Rentap sebenarnya mempunyai dua motif taktikal. Pertama, untuk menguji kekuatan pasukan Brereton dan Alan Lee. Kedua, memerangkap Brereton dan Alan Lee agar keluar daripada kubu kuat mereka. Oleh sebab berasa sombong dengan kekuatan tentera dan memandang remeh terhadap Rentap, mereka menjadi cuai, culas dan cemerkap. Dengan cebelan keangkuhan, Brereton dan Alan Lee mengejar Rentap sehingga ke hulu Sungai Sekrang, bagaikan serigala mengejar rusa. Kemudian, mereka diperangkap oleh Rentap dengan serangan hendap. Pasukan Brereton dan Alan Lee kalah teruk di Sungai Sekrang. Dengan ini, Rentap berjaya menebus maruah dan kekalahan tipis mereka di Beting Maru. Alan Lee mati di hujung tombak Layang (Buyong Adil, 1974: 64-65). Brereton pula melarikan diri meminta nyawa ke Nanga Sekrang dalam keadaan memalukan. Sejak itu, bintang keperwiraan Rentap mulai bersinar.

Sungguhpun begitu, belum lagi Rentap sempat kembali bergawai ke Sungai Lang, kubunya di sana telah dimusnahkan berhabis-habisan oleh Gassing (ketua Iban, tali barut Brereton). Gassing telah membakar 20 rumah panjang Iban di kubu Rentap (Mohd. Isa Othman, 1999: 123-124). Rentap tidak dapat berbuat apa-apa kerana Gassing menyeranginya daripada belakang. Di sebalik kesasaan tubuhnya, hati Rentap telah remuk ranap. Rentap turut menyedari kesilapannya, iktibar terbaik buat dirinya sendiri. Ketika Rentap menyerang Nanga Sekrang, beliau terabaikan pertahanan kubunya di Sungai Lang. Rentap masih muda. Banyak pengalaman mesti ditimba. Di sebaliknya pula,

berikutan kekalahan ini, JB nekad menebus keaiban dan menuntut bela atas kematian Alan Lee. Emosi mendahului strategi. Akibat terlalu geram dengan Rentap, JB mengarahkan Johnson Brooke (Tuan Besar) dan Charles Brooke (Tuan Muda) melancarkan dua serangan amukan ke atas Iban di Saribas dan Sekrang pada 1854, namun kedua-dua serangan ini gagal menghapuskan kedua-dua patriot Iban ini. Berita yang amat pedih ini sangat mencengangkan JB. Raja Putih Sarawak yang bermegah dengan kemenangannya telah diaibkan Apai Dendang dan Rentap, manakala Brereton telah mati dalam keaiban di Sungai Lang. Apakah punca kekalahan pasukan Brooke? Tentera regim Brooke kurang memahami selok-belok sungai dan mereka membawa kapal-kapal perang yang kaku bertempur di sana. Tambahan pula, kubu Rentap di Sungai Lang, terletak jauh di hulu Sungai Sekrang, mengambil masa empat hari perjalanan darat setelah memudiki Nanga Sekrang sejauh 30 batu (A.M. Cooper, 1968: 1-7). Jelas, kedudukan Rentap amat sukar diserang, namun Charles Brooke (CB) terlalu memandang rendah terhadap Rentap. Charles Brooke (CB) pula lebih mahir bertempur di laut kerana beliau merupakan mantan tentera laut British. CB mula menyertai JB pada 1852. CB dibungkam kekekakan apabila bertempur di sungai. Peranan CB kurang menyerlah dalam pertempuran di hutan dan bukit. Kegagalan ini memberikan tamparan hebat kepada JB, namun garuda imperialis ini pantang berputus asa. Di sinilah terpancarnya keunggulan karakter Raja Putih Sarawak. JB telah menggali gaung imperialisme dan beliau akan bangkit semula dengan tangan besi yang lebih keras untuk menghapuskan semua musuh politiknya.

Setelah selesai membina kubu-kubu kuat di Sarikei, sementara JB menilai semula kekalahannya, CB telah melancarkan serangan kilat terhadap orang Iban di Sungai Julau (Batang Rejang) pada 1856. Kubu mereka terletak di muara Sungai Julau. Serangan CB kali ini dibantu Abang Matali, Abang Aing dan Sauh Besi. CB telah membakar 25 rumah panjang di Sungai Julau dengan dalih mereka melakukan pelbagai kejahatan di Sungai Saribas dan Sungai Sekrang, padahal CB sendiri mengakui kawasan ini belum pernah didatangi oleh mana-mana pegawai Brooke. Justeru, bagaimanakah CB mengetahui dengan pasti keterlibatan orang Iban di Sungai Julau dalam kejahatan? Serangan ini bermotif politik. Regim kolonial Brooke mempunyai kubu di Kanowit dan kubu ini pula terletak di muara Sungai Julau. CB bimbang kubu Brooke di Kanowit akan diserang orang Iban di Sungai Julau. Sebelum kubu ini diserang, CB menyerang terlebih dahulu dengan alasan yang direkannya sendiri.

Kemudian, mereka menggempur kubu kuat Rentap di Bukit Sadok (1857), kira-kira tiga bulan selepas serangan orang Cina dari Bau terhadap JB di Kuching. CB nekad memburu Rentap biarpun sampai ke lubang cacing. Tambah meyakinkan, CB turut dibantu kira-kira 3,500 Iban dan 500 Melayu (Abdullah Zakaria Ghazali, 2000: 5). Setelah memenangi beberapa pertempuran, CB percaya meriam-meriam Eropah dapat menghancurkan-leburkan Bukit Sadok menjadi debu dan asap perang. Sesampainya CB di medan pertempuran, mereka mengepung Bukit Sadok secara ketat selama lapan hari. Bekalan makanan, air dan jalan semuanya disekat, tetapi Rentap telah membuat semua persiapan untuk berperang dan bertahan. Segala sesuatu memerlukan perancangan tuntas lagi pantas. Kubu Rentap yang terletak di kawasan tinggi memberikan kelebihan strategik kepadanya. Selepas lapan hari, tentera CB gagal bertahan dalam cuaca sejuk di sana akibat hujan dan kedinginan kawasan tanah tinggi. Mereka saling melepaskan bedilan, namun pasukan Rentap tetap bertahan di dalam kubu. Jika Rentap keluar daripada kubu, samalah dengan menguburkan dirinya hidup-hidup. Pasukan Rentap sudah biasa dengan cuaca dan keadaan muka bumi di Bukit Sadok. Inilah kelebihan Rentap, namun CB memandang enteng terhadap gelanggang pertempuran. Ini merupakan kesalahan fatalistik dalam konteks ilmu perang. Akibatnya, misi suci CB untuk memuncung kepala Rentap tidak terlunas (Mohd. Isa Othman, 1999: 123-124). Semasa CB berundur, beliau terdengar Rentap menjerit: "Kamu bawalah semua meriam dari England, aku tidak

takut menentang kamu”. Terbesit nada angkuh dalam jeritannya. Rentap bergawai meraikan kemenangannya di Bukit Sadok. CB kembali ke Kuching dengan tangan kosong. Maruahnya tercalar, keegoannya tercabar. Kekalahan ini menghunjamkan kebenaran pahit dalam diri CB – orang yang sombong, pasti ditewaskan musuhnya.

Sungguhpun kalah dengan memalukan di Bukit Sadok, demi menebus semula maruah, CB terus bergerak untuk melancarkan serangan terhadap Aji anak Orang Kaya Pemanca Dana pada 1858. CB tidak mahu menghadap Raja Putih Sarawak di Kuching dengan tangan kosong. Aji berkubu di Padeh dan dibantu Lintung, ketua Iban dari Sungai Julau. Plot dan komplot ini diketahui Aji dan Lintung, hasil dariada ejen perisikan Iban. Mereka membawa 40 perahu perang untuk menghapuskan CB di Nanga Sekrang. Bagaimanapun, CB telah bertindak lebih pantas dengan memintas serangan Aji dan Lintung di Padeh. Sekali lagi, faktor masa memihak kepada tentera regim kolonial Brooke. Peristiwa di Beting Maru berulang di Padeh. Namun, kejayaan CB di Padeh tidaklah dapat menebus kegagalan besarnya di Bukit Sadok. Kemudian, tanpa berputus asa untuk menebus maruah, CB bersegera membina kubu kuat di Betong (berdekatan Padeh). Tujuannya, untuk menutup jalan keluar Aji dan Lintung ke muara Sungai Saribas. CB bertindak mendesak Aji dan Lintung ke lubuk buntu agar kepala tidak dapat melindungi ekor dan ekor tidak dapat membantu kepala. Seterusnya, dengan bantuan Luyuh dan Nanang, Aji dan Lintung menyerang balas untuk memusnahkan kubu CB di Betong. Serangan Aji dan Lintung dapat dipatahkan CB dengan bantuan pasukan Melayu dan Iban (tentera regim Brooke). Namun, kekuatan pasukan CB juga terjejas dengan teruk. CB gagal menangkap Aji.

Seterusnya, CB memburu Aji dengan lebih agresif. Aji mengumpan CB ke Sungai Layar dan membiarkan CB mengejarnya. Kali ini, CB percaya nyawa Aji berada di bawah tapak kakinya. Keberangan CB yang memuncak terhadap Aji menyebabkan CB lalai terhadap bahaya tersembunyi. Akibatnya, pasukan CB terkandas di Sungai Lagit. Ketika itulah, Aji melancarkan serangan hendap berhabis-habisan terhadap CB sehinggalah Aji terkorban dalam pertempuran yang sengit ini (Buyong Adil, 1974: 78-80). Orang yang hidup dengan pedang akan mati di sisi pedang. Setelah Aji tewas, kedua-dua saudaranya iaitu Nanang dan Luyuh membuat tiga pakatan serentak untuk menentang regim kolonial Brooke iaitu pakatan dengan Rentap di Bukit Sadok, pakatan dengan Syarif Masahor di Sarikei dan pakatan dengan Pangiran Nipa di Mukah. Pakatan bertiga ini merumitkan lagi proses perluasan kuasa regim Brooke. Bertemu buku dengan ruas. Tewas bukanlah kandas.

Setelah berjaya menumpaskan Aji sekitar Julai 1858, serangan kedua dilancarkan Johnson Brooke (Tuan Besar) dan CB (Tuan Muda) untuk menghapuskan Rentap di Bukit Sadok pada akhir 1858. Serangan ini bertujuan untuk menebus maruah dan membalas dendam, dengan menambah kekuatan ketenteraan. Johnson menyakinkan JB bahawa beliau mampu menewaskan Rentap. Johnson mengambil peluang ini untuk membuktikan dirinya lebih berkaliber berbanding CB. Seperti disebutkan tadi, kubu Rentap dibina di atas bukit dengan ketinggian 2,700 kaki daripada paras laut dan dikelilingi cerun curam yang sukar diserang. Ketika pertempuran tercetus, Rentap mengarahkan para pengikutnya menghujani tentera Johnson dengan seligi beracun, batu-batu besar dan bedilan bertubi-tubi. Cerunam yang curam dan kelajuan arah angin lebih memihak kepada Rentap. Ternyata tentera Johnson gagal bertahan dan akhirnya mereka berundur dari Bukit Sadok dengan penuh kekecewaan (A.M. Cooper, 1968: 1-7) – datang sebagai pemberani, pulang sebagai pengecut. Kekalahan yang mengaibkan ini mencalar reputasi Johnson dan dinasti Brooke. Armada elit JB hampir-hampir tewas di Beting Maru dan benar-benar dimalukan di Bukit Sadok.

Sebagai Raja Putih Sarawak, James Brooke terpaksa memangku kekalahan demi kekalahan yang memalukan, terpuak dengan kehampaan berkali-kali. Kesabaran ialah umi kemenangan, namun Johnson tergesa-gesa memburu kemenangan. Dengan bilangan tentera yang lebih ramai, semangat tentera yang tinggi, bekalan makanan yang mencukupi dan kecanggihan senjata moden, Johnson terlalu yakin dia akan mencampakkan kepala Rentap di kaki Raja Putih Sarawak dan meranapkan Bukit Sadok, padahal bilangan tentera tidaklah semestinya menentukan kalah atau menang. Johnson tidak mengiktibari kemenangan tipis tentera regim Brooke di Beting Maru. Johnson mengabaikan fakta ketenteraan bahawa pembinaan kubu di Bukit Sadok telah menguatkan Rentap daripada kedua-dua sisi iaitu pertahanan dan serangan sekali gus. Malah, Rentap bukan lagi budak hingusan dalam peperangan. Kepakaran dan pengalaman Rentap semakin mangkus, di samping semangat, disiplin dan perpaduan pasukannya yang amat tuntas. Kemenangan perang bukan sahaja ditentukan oleh faktor strategi, bahkan cara bagaimana strategi digunakan semasa perang tercetus. Seni perang ini tersisih daripada pemikiran Johnson. Serangan gencar ini dilancarkan Johnson dari bawah Bukit Sadok tanpa strategi dan taktik inovatif, semata-mata berbekalkan perasaan dendam, marah dan terlalu yakin dengan kemenangan. Seperti dinyatakan tadi, Johnson dan CB berperang tanpa mengarifi bentuk muka bumi di sekitarnya. Ini merupakan antara kepantasan besar dalam medan pertarungan. Tanpa disedari, mereka sebenarnya menyerang untuk dikalahkan. Orang yang mendabik dada, mukanya akan tertunam ke tanah. Rentap lebih mengarifi seni perang di Bukit Sadok. Johnson bukanlah lawan Rentap. Tempatnya di bilik berhawa dingin, bukannya di bukit tinggi yang dingin. Rentap merupakan Raja Hulu dan Penggegar Dunia – demikianlah Rentap dijuluki, sementara Johnson hanyalah pandai bercakap besar dan berlagak hebat. Kesombongan memakan dirinya.

Selepas JB berjaya mengusir Syarif Masahor ke Singapura (1861), ikuti kupasan berikutnya, JB bertindak melancarkan serangan ketiga terhadap Rentap di Bukit Sadok. Pasukan ini diketuai oleh Charles Brooke (Tuan Muda). CB pernah kalah dan menang dalam pertempuran. Pengalaman ini memberikan kelebihan kepada CB. Lantaran itu, Raja Putih Sarawak bersedia memberikan peluang kedua kepada CB. Kepercayaan JB terhadap Johnson Brooke (Tuan Besar) sudah tercalar kerana Johnson hanya bermegah dengan rankingnya sebagai Tuan Besar. Johnson yang berlagak ayam putih sudah ditewaskan. Kali ini, keadaan lebih memihak kepada CB. Beliau sangat bertuah kerana suasana dalaman di Bukit Sadok telah berubah. Bahaya sedang mengintai dengan ngeri di belakang Rentap. Lantaran terasa dikhianati Rentap, Nanang dan Luyuh telah berpaling tadah. Kedua-dua perajurit handalan ini telah menyerah diri kepada CB. Hasil bantuan Nanang dan Luyuh, CB dapat memahami rahsia kekuatan dan kelemahan Rentap – di mana umpan di mana kailnya, di mana jalan keluar di mana jalan masuknya. Serba-serbinya telah dibocorkan Nanang dan Luyuh. Nanang dan Luyuh telah bertikai tajam dengan Rentap mengenai senjata warisan ayah (Bayang) dan abang (Aji) mereka. Rentap mulai kehilangan kedua-dua sayapnya sekali gus menggugat semangat perjuangan anak-anak buahnya. Sementara itu, semangat CB dan tentera elitnya semakin memuncak. Berbeza pula dengan Rentap. Raja Bukit Sadok ini tidak berasa terancam sekalipun Nanang dan Luyuh memihak kepada CB. Jika takut dilambung ombak, usah berumah di tepi pantai. Rentap menjadi angkuh dan lupa daratan kerana beliau telah memenangi dua pertempuran sebelumnya. Kesombongan menumpulkan kebijaksanaan, menjauhkan tuah mendekatkan sial. Rentap menyangka parang panjangnya mampu membelah langit memancung gunung, inikan pula sekadar meriam-meriam Eropah. Di samping itu, Rentap bukan sahaja tidak mengatur serangan hendap dan perangkap maut, malah beliau juga tidak meminta bantuan daripada ketua-ketua Iban untuk menyerang tentera Brooke dari arah belakang; bahkan tidaklah mustahil jika Rentap percaya, semua hantu di Bukit Sadok akan membantunya mengalahkan Iblis bermata biru itu.

Bagaimanapun, Rentap tidak beringat bahawa malang tidak berbayang. Nasibnya tidaklah sentiasa mujur. Tuah mungkin berubah menjadi tulah. Setelah pertempuran tercetus dengan sengit, ternyata Rentap gagal mematahkan serangan hebat CB. Nanang dan Luyuh telah menjadi sayap kanan dan sayap kiri CB. Tanpa Nanang dan Luyuh, CB bukanlah lawan Rentap. Namun, ketika itu Rentap bagaikan garuda kudung. Hanya punyai paruh dan kuku. Sayapnya sudah patah. Air pasang telah surut. Kubunya dibakar, hartanya dirampas. Bukit Sadok hangus terbakar, asapnya menjulang tinggi. Rentap sendiri terpaksa berundur ke Sungai Entabai (Kanowit), gagal bangkit semula buat selama-lamanya. CB mendakwa beliau menemui banyak meriam, senjata api dan peluru yang diberikan Syarif Masahor kepada Rentap. Kekalahan ini memberikan pukulan maut terhadap Rentap. Segala-galanya berakhir di Bukit Sadok (Mohd. Isa Othman, 1999: 123-124). Di sanalah Rentap bangkit, di sanalah Rentap tewas. Kubu-kubunya hangus dijilat api. Pada saat begitu, barulah Rentap sedar akar kesilapannya. Biarlah hilang nyawa, asalkan jangan hilang kepercayaan. Rentap berjaya meloloskan diri di sebalik kehancuran Bukit Sadok. Kendatipun darah dan keringatnya masih basah di Bukit Sadok, namun Rentap tidak dapat bangkit semula. Segala sesuatu ada akhirnya. Rentap meninggal dunia di tempat persembunyiannya, Sungai Entabai. Jasad Rentap bersemadi megah di tanah; roh perjuangannya meraung ke langit. Biar putih tulang, jangan putih mata. Adakah Rentap mati dalam penyesalan?

4. KESIMPULAN

Berdasarkan kupasan ini, kita dapat menoreh pelbagai iktibar kesejarahan yang sangat mustahak untuk dimartabatkan sebagai rukun perjuangan. Pertama, jangan memandang rendah terhadap musuh, jangan menambahkan musuh dan jangan mengabaikan bahaya perpecahan dalaman. Kedua, kemenangan memberikan semangat, namun kekalahan mesti diterima dengan lebih bersemangat. Kekalahan ialah sebaik-baik muhasabah kemenangan dan murabi perjuangan. Ketiga, pemerhatian yang sangat teliti terhadap persekitaran, pemahaman yang lebih mendalam mengenai situasi (sejarah, semasa dan selanjutnya), pemikiran yang tajam tentang aspek-aspek tersembunyi di sebalik sesuatu, kesemuanya ini sangat diperlukan dalam menghadapi bahaya percaturan gelap dalam semua dimensi. Keempat, patriot sejati tidaklah semestinya terbilang, namun merekalah negarawan pertiwi dan nagawan puterabumi yang sanggup berkorban darah dan air mata demi mempertahankan kedaulatan tanah watan.

5. RUJUKAN

- Abdullah Zakaria Ghazali (2000). "Gerakan Awal Penentangan Kolonialisme Di Sarawak". Kertas Kerja Simposium Sejarah Sarawak. 16-17 Ogos. Persatuan Sejarah Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak: Kuching.
- Buyong Adil. (1974). *Sejarah Sarawak*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Cooper, A.M. (1968). *A Men of Sarawak*. Oxford University Press: Kuala Lumpur.
- Mohd. Isa Othman. (1999). *Gerakan Protes Dalam Perspektif Sejarah Malaysia Pada Abad Ke- 19 Dan Awal Abad Ke-20*. Utusan Publications & Distributors: Kuala Lumpur.
- Muhammad Rakawi Yusuf. (1932). *Hikayat Sarawak*. Sarawak Printing Company: Kuching.